

Pengundi tidak diberi kertas

ms: 4

Sinar
Harian
9/2/2012

SHAH ALAM – Kesemua lebih 12 juta pengundi wajib melalui proses calitan menggunakan dakwat kekal jika mahu mengundi dalam mana-mana pilihan raya selepas ini, termasuk Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, pengundi yang enggan jarinya dicalit atau mana-mana anggota badan mudah dilihat, mereka tidak akan diberikan kertas undi.

“Tiada pilihan bagi pengundi,” kata Wan Ahmad kepada *Sinar Harian*.

Wan Ahmad berkata, langkah itu bagi memastikan proses pilihan raya benar-benar bersih dan mengelakkan persepsi wujudnya unsur pengundian berganda.

Penggunaan dakwat kekal juga telah diluluskan oleh panel khas Parlimen.

Ia antara pembaharuan diperkenalkan pada PRU13 dan SPR juga telah meminda Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

Wan Ahmad berkata, jari atau tubuh seseorang pengundi akan dicalit menggunakan dakwat kekal sebaik sahaja namanya dibacakan kerani di saluran mengundi.

Terdapat 22,000 saluran mengundi dan setiap saluran mengundi akan dibekalkan tiga botol dakwat kekal.

“Kemudian, barulah pengundi diberikan kertas undi. Jika enggan dicalit, kertas undi tidak akan diberikan. Ini peraturan,” katanya.

Menjelaskan cara calitan dibuat, Wan Ahmad berkata, pengundi akan meletakkan



WAN AHMAD

jari telunjuk pada papan khas yang akan disediakan.

“Kemudian, jari telunjuk mereka dicalit. Prosesnya, kita akan mencalit jari kiri dan sekiranya tiada jari itu, kita akan calit di jari lain di tangan kiri. Jika tiada, baru kita akan menggunakan jari telunjuk tangan kanan,” katanya.

Bagaimanapun, sekiranya terdapat kes seseorang pengundi itu kudung jari telunjuk kiri, maka akan beralih kepada jari hantu atau manis atau kelengkeng atau ibu jari kiri. Namun sekiranya kudung semua jari tangan kiri, maka beralih ke jari kanan melalui prosedur yang sama.

“Bagi pengundi tidak bertangan, maka proses calitan dilakukan pada mana-mana bahagian tubuh yang boleh dilihat dengan mudah selepas SPR mendapat kebenaran daripada pengundi tersebut.

“Petugas SPR juga tidak akan menyentuh tangan atau jari pengundi,” katanya lagi.

Wan Ahmad berkata, se-takat ini sebahagian petugas SPR sudah diberi latihan bagi tujuan proses calitan itu.

Katanya, SPR belum menempah dakwat kekal kerana dibimbangi bahan tersebut menjadi kering sekiranya PRU13 tidak diadakan dalam tempoh terdekat.